



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 21 MAC 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 21 Mac 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **1,247 kes** (317,289 kes kumulatif, 95.3%);
- Kes baharu : **1,327 kes** (333,040 kes kumulatif);
- Kes import : **11 kes** (4 warganegara; 7 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **1,316 kes** [861 warganegara (65.4%); 455 bukan warganegara (34.6%)];
- Kes aktif : **14,518 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **154 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **65 kes**; dan
- Kes kematian : **4 kes** (1,233 kes kumulatif, 0.37%; 4 warganegara).

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **356 kes (26.8 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **274 kes (77.0 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Sarawak sebanyak **276 kes (20.8 peratus)** dan Pulau Pinang sebanyak **205 kes (15.4 peratus)**.

Sebanyak **89 kes (6.7 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang membabitkan Kluster DTI Juru (53 kes), Kluster Tembok Tapah (31 kes), Kluster Tembok Mempaga (2 kes), Kluster Tembok Taiping (2 kes), dan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan masing-masing satu (1) kes di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak, dan Sarawak. Kesemua kes kematian melibatkan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 21 Mac 2021:

- Jumlah kluster : **1,297 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **5 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **881 kluster** (termasuk **10 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Pandan Ria, Kluster Lot Satu, Kluster Jalan Pelepas Empat, Kluster Jalan Badak, Kluster Jalan Kancil Waha, Kluster Sebangkoi, Kluster Tapak Bina Kasia, Kluster Wawasan Kulai, Kluster Jalan Industri Dua Belas, dan Kluster Jalan Sungai Rasa**);
- Jumlah kluster aktif : **416 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **64 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Sungai Putus (63 kes), Kluster Tapak Bina Jalan Salak (62 kes), dan Kluster DTI Juru (53 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **lima (5) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan empat (4) kluster tempat kerja dan satu (1) kluster komuniti.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Jalan Permas Baru	Johor	Tempat Kerja
2	Jalan Gemilang Tiga	Johor	Tempat Kerja
3	Tapak Bina Jalan You City	Selangor	Tempat Kerja
4	Bukit Tambun	Pulau Pinang	Tempat Kerja
5	D Gana	Sabah	Komuniti

STATUS TERKINI KES-KES DAN KLUSTER-KLUSTER RENTAS NEGERI (IMPORT B)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan daripada 1 Januari 2021 sehingga 21 Mac 2021, terdapat sebanyak **3,170 kes rentas negeri (Import B)**. Kes rentas negeri (Import B) merujuk kepada kes-kes jangkitan COVID-19 yang dilaporkan di sesebuah negeri namun dipercayai berpunca dari negeri lain **akibat daripada aktiviti rentas negeri**. Tiga (3) negeri yang menunjukkan atau melaporkan bilangan kes import

B tertinggi adalah **Kedah sebanyak 714 kes (22.5 peratus), Perak sebanyak 582 kes (18.4 peratus), dan Negeri Sembilan sebanyak 370 kes (11.7 peratus)**. Graf di bawah menunjukkan kes-kes rentas negeri (Import B) mengikut negeri daripada 1 Januari 2021 sehingga 21 Mac 2021.



CPRC Kebangsaan KKM

Kluster-kluster rentas negeri turut menunjukkan peningkatan sejak gelombang ketiga bermula iaitu pada 20 September 2020. Kluster rentas negeri merupakan kluster yang melibatkan kes indeks atau kes pertama yang dikesan mendapat jangkitan COVID-19 dari negeri lain, dan seterusnya mengakibatkan

penularan jangkitan tempatan. Berikutan peningkatan kluster-kluster rentas negeri ini, Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan larangan rentas negeri bermula pada 13 Januari 2021.

Setelah larangan tersebut dilaksanakan selama beberapa bulan, pelaporan kes-kes baharu harian negara yang melibatkan kluster-kluster rentas negeri mula menunjukkan penurunan secara konsisten. Kluster terakhir yang dilaporkan sebagai kluster rentas negeri adalah pada **30 Januari 2021** iaitu **Kluster Tersat** di Terengganu. Jadual di bawah menunjukkan 31 kluster rentas negeri yang telah dilaporkan dengan tiga (3) kluster yang masih aktif melaporkan kes iaitu **Kluster Tembok Mempaga**, **Kluster Tembok Bukit Besi**, dan **Kluster Pasai**.

KLUSTER-KLUSTER RENTAS NEGERI BERMULA 7 DISEMBER 2020 SEHINGGA 21 MAC 2021									
BIL	KLUSTER	NEGERI	NEGERI ASAL JANGKITAN	JUMLAH KES	BIL	KLUSTER	NEGERI	NEGERI ASAL JANGKITAN	JUMLAH KES
1	TAMAN KESEDAK	KELANTAN	SELANGOR	98	16	TEMBOK BUKIT BESI	TERENGGANU	JOHOR	443
2	KAMPUNG BADAK		SELANGOR	97	17	KAMPUNG BUKIT BIAH		WP KUALA LUMPUR	94
3	PONDOK HIDAYAH		SELANGOR	56	18	TERSAT		SELANGOR	69
4	SERAGAM CHEPA		SELANGOR	34	19	KAMPUNG GUNTONG LUAR		WP KUALA LUMPUR	23
5	ALOR DURIAN		PULAU PINANG	34	20	PALUT		PULAU PINANG	15
6	KAMPUNG RENOK		SELANGOR	31	21	MENGGUANG		SELANGOR	14
7	WAKAF LANAS		SELANGOR	16	22	EHSAN IBOL	SELANGOR	31	
8	KAMPUNG GETING		PULAU PINANG	13	23	INTAN MAS	PERAK	SELANGOR	21
9	TEMBOK MEMPAGA	PAHANG	WP KUALA LUMPUR	808	24	LUMUT BARAT	WP KUALA LUMPUR	16	
10	BUKIT GELUGOR		WP KUALA LUMPUR	39	25	PASAI	SARAWAK	JOHOR	2,693
11	RANTAU LADA		SELANGOR	19	26	BAH SAYAP	SARAWAK	SABAH	96
12	SAMWILL LUIT		WP KUALA LUMPUR	19	27	JELITA	SARAWAK	MELAKA	56
13	KAMPUNG BUKIT LADA		SELANGOR	14	28	INTAN DELIMA	NEGERI SEMBILAN	JOHOR	34
14	SEMAMBU		SELANGOR	12	29	SUNGAI IBOR	NEGERI SEMBILAN	JOHOR	25
15	INTEN		WP KUALA LUMPUR	10	30	JALAN MOHAMMED SALLEH	WP LABUAN	SABAH	86
					31	ORION	KEDAH	SELANGOR	22
JUMLAH									5,038

Kes-kes dan kluster-kluster rentas negeri ini bukan sahaja mengakibatkan penularan jangkitan COVID-19 kepada kawasan zon hijau, malah aktiviti seperti pulang ke kampung halaman juga meningkatkan risiko jangkitan COVID-19 kepada golongan rentan seperti golongan warga emas dan kanak-kanak.

KKM ingin mengingatkan semua pihak dan masyarakat umum, walaupun negara sedang menunjukkan tren penurunan kes sejak beberapa minggu ini, rakyat perlu sentiasa patuh kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan dalam semua keadaan bagi memastikan usaha-usaha yang telah dijalankan tidak menjadi sia-sia. Ini termasuklah kepatuhan terhadap larangan merentas negeri **kecuali** jika ada perkara-perkara mustahak dan perlu mendapat kebenaran daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Bagi negeri-negeri di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), pergerakan rentas negeri adalah dibenarkan melalui Program Gelembung Pelancongan Domestik atau *Travel Bubble* yang membolehkan pelancong dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bergerak merentas ke negeri di bawah PKPP yang lain. Aktiviti tersebut tertakluk kepada SOP yang ketat, termasuk perlu melalui agensi pelancongan

berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Selain itu, rakyat perlulah mengamalkan tindakan pencegahan sebagai norma baharu kehidupan seperti yang telah disarankan oleh KKM seperti penjarakkan sosial, menjaga kebersihan diri, dan memakai pelitup muka di tempat awam.

Semoga dengan kerjasama seluruh rakyat Malaysia dan tindakan kesihatan awam yang sedang dijalankan, Malaysia dapat memutuskan rantai COVID-19 dan bebas daripada pandemik ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang

perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

21 Mac 2021 @ 6.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 21 MAC 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	356 (2)	111,906
SABAH	50	54,259
JOHOR	141 (3)	40,014
WP KUALA LUMPUR	115 (4)	37,067
NEGERI SEMBILAN	22	16,956
PULAU PINANG	205	14,637
SARAWAK	276 (2)	14,250
PERAK	55	12,670
KEDAH	30	8,090
MELAKA	10	6,286
KELANTAN	30	5,621
PAHANG	11	4,008
TERENGGANU	18	3,557
WP LABUAN	0	2,279
WP PUTRAJAYA	3	1,114
PERLIS	5	326
JUMLAH KESELURUHAN	1,327 (11)	333,040

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Perincian 1,327 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 21 Mac 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 356 kes**

- 133 kes daripada kluster-kluster, termasuk 10 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina You City**;
- 141 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 80 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 276 kes**

- 42 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 175 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 57 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 205 kes**

- 75 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bukit Tambun**;

- 29 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 101 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor: 141 kes**
 - 79 kes daripada kluster-kluster, termasuk 57 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Gemilang Tiga dan Kluster Jalan Permas Baru**; serta tiga (3) kes import dari kluster sedia ada; dan
 - 44 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - 18 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 115 kes**
 - 64 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 21 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Empat (4) kes import dari luar negara; dan
 - 26 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 55 kes**
 - 39 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 50 kes**

- 25 kes daripada kluster-kluster, termasuk 19 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster D Gana**;
- 17 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 30 kes**

- Lapan (8) kes daripada kluster sedia ada;
- 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; an
- Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 30 kes**

- Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 15 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 22 kes**

- 18 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 18 kes**
 - 17 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Pahang: 11 kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 10 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perlis: Lima (5) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Tiga (3) kes**
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan empat (4) kes kematian pada 21 Mac 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1230	193709	Perak	Lelaki (WN)	69	Hospital Seri Manjung	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, paru-paru obstruktif kronik (COPD), <i>adrenal insufficiency</i> , dan <i>hypothyroidism</i>
1231	292943	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	82	Hospital Ampang	Penyakit darah dan jantung
1232	327082	Sarawak	Lelaki (WN)	66	Hospital Sibu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1233	330689	Selangor	Lelaki (WN)	73	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, jantung, dan paru-paru obstruktif kronik (COPD)

*WN merujuk kepada warganegara.

Perincian lima (5) kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER JALAN PERMAS BARU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-323126) dilaporkan positif COVID-19 pada 14 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah kilang yang terletak di Jalan Permas 9/6, Bandar Baru Permas Jaya, Masai, Johor Bahru. Sehingga 21 Mac 2021, sejumlah 41 individu telah disaring, di mana **12 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER JALAN GEMILANG TIGA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru dan Kota Tinggi di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-330895) dilaporkan positif COVID-19 pada 20 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Gemilang Tiga, Taman Perindustrian Cemerlang, Ulu Tiram, Johor Bahru. Sehingga 21 Mac 2021, sejumlah 202 individu telah disaring, di mana **53 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER TAPAK BINA JALAN YOU CITY

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Langat di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 15 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah tapak binaan yang terletak di Jalan You City, Batu 9, Cheras. Sehingga 21 Mac 2021, sejumlah 234 individu telah disaring, di mana **25 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER BUKIT TAMBUN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seberang Perai Selatan di Pulau Pinang. Dua (2) kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-321966 dan kes ke-321971) dilaporkan positif COVID-19 pada 13 Mac 2021 hasil saringan kontak rapat. Kluster ini melibatkan sebuah pusat pendidikan yang terletak di Jalan Bukit Tambun, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan. Sehingga 21 Mac 2021, sejumlah 348 individu telah disaring, di mana **16 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER D GANA

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Keningau di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-328840) dilaporkan positif

COVID-19 pada 19 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti penularan kes-kes yang dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Dalit Gana, Keningau. Sehingga 21 Mac 2021, sejumlah 32 individu telah disaring, di mana **20 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.